

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 28 FEBRUARI 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1521-MQT2030
Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan data terkini UNESCO melalui International Centre for Technical and Vocational Education and Training menyebut bahawa hanya 5% belia Malaysia terlibat dalam bidang TVET. Sejauh mana ketetapan dapatan UNESCO tersebut berbanding data enrolmen dan apakah strategi dan kebijakan baru Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan program-program TVET.

2. PR-1521-MQT2029
Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mencadangkan kepada Dewan ini butiran khusus berkaitan reformasi komprehensif terhadap sistem dan institusi negara, termasuk reformasi Parlimen dan meneruskan inisiatif reformasi yang pernah diusahakan sebelum ini serta adakah Kerajaan akan mencadangkan proses perundingan yang inklusif bagi melaksanakan agenda reformasi tersebut.

3. PR-1521-MQT2019
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesesakan hospital Kerajaan pada ketika ini semakin membimbangkan di mana rakyat tidak mendapat perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang bersesuaian di samping perlu menunggu lama bagi mendapatkan khidmat kesihatan daripada hospital Kerajaan. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan negara.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 28 FEBRUARI 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1521-L18001
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jenis barang makanan yang memerlukan permit (AP) untuk diimport ke dalam negara dan apakah rasional keperluan ini.
2. PR-1521-L18173
Datuk Haji Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak kursus ditawarkan di Kolej-kolej Vokasional dalam program Diploma Vokasional Malaysia dan berapa program atau kursus yang telah mendapat pengiktirafan dari agensi kelayakan MQA dan berapa kursus yang masih belum mendapat pengiktirafan MQA sehingga setakat ini.
3. PR-1521-L18138
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada GST akan diperkenalkan semula atau tidak.

4. PR-1521-L19277
Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menaik taraf atau membina semula Lebuhraya Timur Barat FT004 (LRTB) yang telah berusia lebih 40 tahun ini dan sering kali menyebabkan kemalangan maut sejak akhir ini sedangkan ianya adalah jalan utama yang menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur kepada Pantai Barat seperti Perak, Kedah dan Pulau Pinang.
5. PR-1521-L18436
Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan intervensi terhadap industri pertanian, penternakan dan perikanan yang sering mengalami kerugian saban tahun akibat bencana banjir bagi memastikan kelangsungan serta keterjaminan makanan negara.
6. PR-1521-L18749
Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meningkatkan harga lantai getah sekerap kepada RM3 sekilogram bagi menyerap impak kejatuhan pendapatan para penoreh ketika ini.
7. PR-1521-L18330
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah terkini keseluruhan guru pelatih bagi setiap keempat-empat Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak dan berapa jumlah anak tempatan Sarawak yang menuntut di IPG berkenaan.
8. PR-1521-L18937
Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan jalan Jerantut - Benta yang sepatutnya selesai pada hujung tahun 2020.
9. PR-1521-L18543
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
 - (a) adakah Kementerian mempunyai laporan terperinci dan terkini berkaitan tahap kebolegunaan fasiliti Pusat Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi setiap Parlimen; dan
 - (b) apakah strategi Kementerian bagi memastikan ibu bapa yang mempunyai anak OKU mendaftar kemasukan anak mereka ke PDK.

10. PR-1521-L19020
Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan subsidi bahan api petrol RON 95, serta gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak secara bersasar kepada golongan kumpulan B40 di negara ini memandangkan perbelanjaan subsidi kepenggunaan yang berjumlah RM77.3 bilion bagi 2022 adalah jumlah subsidi tertinggi di dalam sejarah yang pernah ditanggung oleh mana-mana Kerajaan.
11. PR-1521-L18599
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah keluasan tanah yang telah ditanam kelapa sawit di Malaysia. Kenapa tanah penanaman sawit yang telah dipersijilkan MSPO boleh mencecah 113.99% dalam app MSPO-TRACE setakat Januari 2023.
12. PR-1521-L18868
Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mengurangkan lambakan beban tugas guru sehingga menyukarkan guru-guru untuk fokus kepada tugas hakiki mengajar anak murid.
13. PR-1521-L19471
Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai jalan raya dari Pekan Sipitang ke beberapa buah Kampung Meligan, Iburu, Mendulong, Long Mio dan Long Pasia sepanjang 130km:-
- (a) status kontraktor yang meyelenggara jalan utama dari Sipitang Ke Long Pasia dan adakah cadangan untuk menaik taraf jalan raya tersebut dalam RMK-13; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian berhasrat akan menaik taraf jambatan Kampung Kelangsat, Sipitang.
14. PR-1521-L19243
Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan peranan Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan terhadap agensi-agensi di bawahnya seperti NAFAS, Lembaga Pertubuhan Peladang serta Pertubuhan Peladang Kawasan bagi memastikan agensi ini mampu mempunyai kepakaran dalam penghasilan produk makanan haiwan ternakan dengan harga yang lebih rendah daripada pasaran untuk kegunaan pengusaha perternak seperti ayam daging, ayam telur dan ternakan lembu.

15. PR-1521-L18722
Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pelan dinamik Kementerian merancang kembali industri pelancongan yang dilihat hanya fokus pada pemasaran berbanding menghasilkan produk baharu di samping Malaysia yang tidak tersenarai di dalam carta destinasi pilihan National Geography 2023.
16. PR-1521-L18658
Puan Hajah Salmiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam membantu rakyat yang terbeban dengan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) serta langkah yang telah diambil untuk mengawal kadar inflasi di negara ini.
17. PR-1521-L18230
Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan pihak Kementerian bagi meningkatkan jaringan jalan raya di wilayah Sabah yang masih mundur dan mempunyai kawasan-kawasan yang sukar untuk dilalui oleh kenderaan dan sekiranya boleh, hanya boleh dilalui menggunakan kenderaan pacuan empat roda.
18. PR-1521-L19227
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap kesediaan penerimaan institusi pendidikan terutama sekolah kepada golongan kelainan upaya (OKU) dan adakah terdapat program komprehensif kepada golongan ini.
19. PR-1521-L18760
Tuan Chong Zhemini [Kampar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai kesemua syarikat pelaburan Kerajaan (GLC) yang mengalami kerugian sejak 2020 dan apakah langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.
20. PR-1521-L19121
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) langkah Kerajaan bagi menyelamatkan kontraktor Bumiputera daripada gulung tikar memandangkan 50% daripada kontraktor G1 kini dalam keadaan nazak; dan
 - (b) Kerajaan bersedia untuk mengawal selia harga bahan binaan yang melambung sehingga 30% ketika ini yang turut menjadi penyumbang utama kepada kontraktor nazak.

21. PR-1521-L18712
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah menyeluruh memastikan lulusan TVET tidak dipandang pendidikan kelas kedua agar ibu bapa membenarkan anak mereka mengikuti program kemahiran dalam menangani keperluan pasaran kerja semasa.
22. PR-1521-L19457
Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sering kali disebarkan tentang berlaku provokasi yang menyentuh sensitiviti antara kaum di negara kita. Apakah langkah yang telah dan akan dilakukan oleh pihak Kementerian untuk mencapai aspirasi membentuk 'Masyarakat Madani' yang sedang diusahakan oleh pihak Kerajaan.
23. PR-1521-L18283
Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk menawarkan dan mengukuhkan pendidikan latihan teknikal dan vokasional berteknologi tinggi di peringkat sekolah menengah sekaligus menjadikan TVET sebagai antara pilihan utama agar tidak dilihat sebagai pilihan kedua bagi pelajar yang kurang cemerlang dari segi akademik.
24. PR-1521-L18357
Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
(a) berapa jumlah eksport telur ayam dan jumlah hasil pengeluaran keseluruhan setiap suku tahun oleh syarikat-syarikat tempatan bermula 2018 hingga akhir Februari 2023 ; dan
(b) mengapa Kerajaan PH-BN mengimport telur dari India yang harganya lebih mahal dan saiz telur lebih kecil serta syarikat manakah yang mendapat AP import telur, bagaimana mereka dipilih dan berapa lama AP ini berkuat kuasa.
25. PR-1521-L18406
Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah pendirian Kerajaan mengenai Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link dan nyatakan kemajuan perancangan dan inti pati yang terkandung di dalam perjanjian konsesi antara pemaju dan Kerajaan.

26. PR-1521-L18616

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) jaminan Kementerian terhadap sumber beras negara kesan ragam iklim yang akan menyebabkan hasil padi merosot; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk memastikan sumber padi dalam negara mencukupi.

27. PR-1521-L19269

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan pembinaan Jalan Kampung Keruak ke Gua Musang melalui Gunong Bongsu yang telah terbengkalai sejak 9 tahun lepas bagi memberi kemudahan kepada penduduk pedalaman Hulu Besut memasarkan hasil pertanian dan menjadi jalan alternatif kepada penduduk sekitar Besut untuk ke Ipoh dan Kuala Lumpur.

28. PR-1521-L18029

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah berkesan untuk merombak sistem pendidikan negara supaya ianya lebih berdaya saing, mengutamakan STEM dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

29. PR-1521-L19143

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menghentikan serta-merta eksport telur ayam keluar negara oleh kartel dalam menyelesaikan isu kekurangan bekalan telur di pasaran.

30. PR-1521-L18414

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini projek menaik taraf atau pembaikan sekolah-sekolah daif khususnya di kawasan Selangau yang menjadi salah satu keutamaan Kerajaan untuk dilaksanakan di Sarawak pada masa kini.

31. PR-1521-L19074

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan sebagai projek alternatif selain kolam Bukit Merah yang menjadi sumber bekalan air sawah supaya bekalan air sentiasa mencukupi di daerah Kerian.

32. PR-1521-L19058
Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini rancangan pembinaan sekolah ganti penuh SMK Sebuyau yang telah diluluskan peruntukan pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Ke-11 memandangkan sekolah ini tidak lagi kondusif dan selamat untuk digunakan oleh para pelajar dan guru.
33. PR-1521-L18443
Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan dan tindakan Kerajaan dalam menangani isu tanah runtuh yang kerap berlaku di Bukit Larut, Taiping yang merupakan suatu tempat tarikan pelancong utama. Nyatakan jumlah peruntukan yang telah dan akan disalurkan untuk tujuan tersebut.
34. PR-1521-L18558
Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah status pembinaan baharu S.M.K. Matu di Parlimen Igau. Bilakah projek ini akan dimulakan.
35. PR-1521-L19400
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan bagi kemudahan lampu jalan solar di laluan FT061 Jalan Batu Hampar – Changkat Jering, FT060 Jalan Batu Hampar – Changkat Jering, FT0074 Jalan Kuala Sepetang – Taiping, FT0001 Jalan Ipoh – Butterworth dan FT3146 Jalan Industri ke Kamunting dalam Parlimen Bukit Gantang. Ini kerana laluan ini gelap, selekoh merbahaya dan juga ancaman lembu dan kerbau yang melintas di waktu malam.
36. PR-1521-L18305
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada keredaan kenaikan inflasi akan meyakinkan Bank Negara Malaysia untuk menghentikan peningkatan kadar faedah *Overnight Policy Rate* demi mengurangkan kos kepada peminjam. Nyatakan langkah yang akan diambil untuk mengurangkan lagi inflasi dan inflasi makanan.
37. PR-1521-L19115
Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kadar elaun sara hidup nelayan.

38. PR-1521-L18683
Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamuddin [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan kontrak-kontrak perjanjian yang patuh syariah di dalam sistem perolehan dan tender Kerajaan.
39. PR-1521-L18888
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah rizab negara pada 31 Disember 2022 dan apakah trend pertambahan atau penyusutan jumlah tersebut menjelang pada hujung tahun 2023.
40. PR-1521-L18198
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
(a) situasi terkini pasaran/sektor ayam dan telur di Malaysia; dan
(b) apakah langkah-langkah yang telah/akan diambil oleh Kementerian untuk memperkasakan sektor ini bagi mengukuhkan keterjaminan makanan .
41. PR-1521-L18103
Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peranan Kementerian dan Bank Negara Malaysia (BNM) dalam mengawal kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada kadar yang lebih munasabah dan dalam masa yang sama menangani isu inflasi agar impak kenaikan kadar faedah pinjaman mampu diminimakan di samping kuasa di kalangan rakyat membeli mampu dipertingkatkan.
42. PR-1521-L19172
Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah jenis rancangan pembangunan nelayan yang ditawarkan termasuk kepada nelayan di Parlimen Merbok supaya mereka lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam aktiviti penangkapan ikan sekaligus meningkatkan lagi pendapatan isi rumah mereka.
43. PR-1521-L19030
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian terkini Kementerian berhubung pengiktirafan sijil Unified Examination Certificate (UEC).

44. PR-1521-L19139
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan segera Kerajaan bagi membantu mengurangkan beban rakyat yang terkesan dengan kenaikan mendadak *Overnight Policy Rate* (OPR) yang mengakibatkan lebih ramai rakyat menderita dan terbeban sehingga berdepan risiko bankrap.
45. PR-1521-L18689
Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian telah membuat semakan lengkap seperti kajian impak terhadap kelangsungan *survival* nelayan yang terlibat di sepanjang kawasan tambak laut Melaka dan Pulau Pinang serta apakah insentif yang diberikan kepada mereka yang terlibat.
46. PR-1521-L18738
Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah punca kelewatan bekalan baja kepada petani-petani dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.
47. PR-1521-L19254
Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan dan sasaran pihak Kerajaan dalam membantu para nelayan di seluruh negara:-
- (a) berapakah jumlah peratusan hasil perikanan semasa dan sasaran dalam masa 10 tahun akan datang; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan sumber bekalan perikanan laut negara.
48. PR-1521-L18924
Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status cadangan yang telah diputuskan dalam Majlis Sosial Negara yang lalu berkaitan usaha membela nasib alumni institusi Kanak-Kanak JKM yang sebatang kara.

49. PR-1521-L19407

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha serta langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan harga lantai getah dapat ditingkatkan bagi membantu meningkatkan pengeluaran getah negara dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan penoreh getah.

50. PR-1521-L17944

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan Laporan Tahunan, Prestasi Operasi dan Kewangan GLC dan GLIC utama seperti Petronas di Parlimen.

51. PR-1521-L18774

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tatacara pengendalian piawai SOP berkaitan pengawalan cerun di seluruh negara.

52. PR-1521-L19351

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi pengeluaran tempatan dan penyimpanan stok beras padi sebagai persediaan negara dalam menghadapi krisis kekurangan bekalan makanan dunia yang dijangka berlaku pada 2025.

53. PR-1521-L19108

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peruntukan dan projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan di Kuala Kangsar. Adakah Kementerian berhasrat untuk melibatkan Ahli Parlimen tanpa merujuk kepada parti dalam merancang pembangunan yang dilaksanakan di kawasan Parlimen tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 2/2023) Rang Undang - Undang Perbekalan 2023 – **Menyambung semula perbincangan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"**
(27 Februari 2023)

DAN

Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh sembilan bilion ringgit (RM99,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 2022 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 adalah dibatalkan dan hendaklah disahkan.”

Menyambung semula perbincangan atas masalah (27 Februari 2023)

2. (D.R 1/2023) Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al- **Bacaan Kali**
Qur'an (Pindaan) 2023. **Yang Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]

3. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM165,282,814.00 kepada UDA Holding Berhad (UDA), sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuti (modal saham) bersamaan Seratus Enam Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Empat Belas (165,282,814) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham.”

4. PR-1521-U(27)231

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia - Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan *dron*. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

5. PR-1521-U(27)232

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan makanan tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

6. PR-1521-U(27)233

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

7. PR-1521-U(27)234

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

8. PR-1521-U(27)235

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

9. PR-1521-U(27)236

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Perdana Menteri]

10. PR-1521-U(27)237

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

11. PR-1521-U(27)238

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme*. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme* di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

12. PR-1521-U(27)239

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1521-U(27)240

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

14. PR-1521-U(27)241

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Perdana Menteri]

15. PR-1521-U(27)242

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi Bajet 2023. Dalam ucapan Bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepat saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

16. PR-1521-U(27)243

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

17. PR-1521-U(27)244

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1521-U(27)245

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1521-U(27)225

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) 2009, seiring dengan cadangan serta titah Majlis Raja – Raja Melayu, demi memastikan pelantikan lima daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan oleh Perdana Menteri. Bergerak ke hadapan, adalah wajar untuk Kerajaan Perpaduan meminda Akta JAC 2009 dan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan bagi menghentikan campur tangan eksekutif yang hanya mengikut selera politik semata-mata dalam isu pelantikan hakim, sekali gus dapat mewujudkan kebebasan sistem kehakiman serta menjunjung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang di dalam Malaysia sepertimana yang terkandung dalam Rukun Negara.

Sebelum ini, negara telah dikejutkan dengan pendedahan oleh mantan Tan Sri Peguam Negara di dalam buku tulisannya yang berjudul, "*My Story: Justice in Wilderness*", yang nyata bertentangan dengan laungan Kedaulatan Undang-undang atau "*Rule of Law*", oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-7. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat pelbagai dakwaan mengenai isu pelantikan hakim, campur tangan didalam sistem kehakiman, pendakwaan politik, serta pelbagai pendedahan yang menerbitkan seribu satu persoalan. Pendedahan daripada mantan Tan Sri Peguam Negara tersebut amat membimbangkan, menimbulkan rasa syak wasangka dan persoalan terhadap sistem keadilan, dan juga kepincangan atas doktrin, dengan izin, "*separation of power*" atau pengasingan kuasa di dalam negara kita.

Justeru, saya menyambut baik kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang menyatakan bahawa, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti mengenai perkara tersebut. Namun, saya fikirkan Kerajaan tidak sepatutnya sekadar berhenti di situ sahaja. Sebaliknya perlu meminda JAC 2009 bagi merealisasikan hasrat murni Kerajaan terutamanya dalam urus tadbir yang baik atau '*good governance*'."

[Perdana Menteri]

20. PR-1521-U(27)226

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap harga maksimum telur ayam yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan menaikkan harga kawalan telur tempatan dari RM0.41 ke RM0.50 sebiji, iaitu pada paras harga yang sama dengan harga telur import dari India. Di samping itu, Kementerian juga boleh mewujudkan "elaun telur secara *top-up*" kepada golongan B40 dengan menampung selisih harga telur sebanyak RM0.09 (RM0.41 -RM0.50) sebiji. Langkah ini boleh meringankan bebanan kewangan keluarga B40 dan turut membantu penternak tempatan mengatasi masalah kos operasi yang meningkat, sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam. Seandainya elaun telur sebanyak RM200 setahun diberikan kepada golongan B40, banyak telur yang boleh dimakan oleh keluarga B40.

Kementerian seharusnya mengutamakan penternak tempatan semasa menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam. Ramai penternak atau pengusaha ladang ayam telur terpaksa menampung kos operasi yang tinggi mengeluarkan telur. Kos untuk menghasilkan sebiji telur ayam di ladang kini mencecah RM0.45 sebiji, di mana sebahagian besarnya membabitkan penghasilan makanan ayam. Menurut Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam Dan Telur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2022, purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi telur adalah RM0.48 sebiji pada September 2022. Penternak tempatan rugi kerana telur tempatan hanya boleh dijual dengan RM0.41 sebiji kerana ada kawalan harga, sedangkan kos menghasilkan sebiji telur telah pun melebihi paras harga tersebut. Kalau rugi, penternak tidak akan membela ayam untuk menghasilkan telur.

Malahan, telur import dari India dijual dengan RM0.50 sebiji, jika Kementerian memansuhkan kawalan harga, harga jualan telur tempatan juga lebih kurang sama iaitu kira-kira RM0.50 sebiji. Maka, cadangan untuk meminda harga kawalan telur tempatan ke RM0.50 sebiji bakal membantu rakyat dan penternak tempatan. Langkah tersebut boleh menjana ekonomi domestik dari sudut penyediaan peluang pekerjaan dan pembayaran cukai dari pihak penternak, kebersihan dan keselamatan telur ayam, kemudahan logistik, penyeliaan dan pembekalan berbanding dengan langkah mengimport telur dari India.

Justeru, Kementerian wajar mempertimbangkan cadangan pindaan kawalan harga telur supaya rakyat dan penternak tempatan tidak lagi terjejas dalam masalah kekurangan bekalan telur yang berpanjangan ini. Elaun telur kepada golongan B40 juga boleh memastikan rakyat terus berkemampuan menikmati makanan asas ini tanpa terjejas oleh kenaikan harga kawalan telur. Telur dan ayam adalah makanan asas rakyat tanpa mengira kaum atau agama, perkara ini harus dijadikan keutamaan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

21. PR-1521-U(27)227

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi Kemelesetan Ekonomi Global pada 2023 seperti yang diramalkan oleh pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negara.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bank Dunia; dalam menghadapi risiko, di mana bank-bank negara di seluruh dunia telah dan akan secara serentak menaikkan kadar faedah secara mendadak. Kesannya, seluruh dunia akan menghadapi krisis ekonomi dan bakal menuju kepada krisis kewangan yang semestinya akan memberikan impak negatif yang berpanjangan.

Pelbagai kajian dasar, pakej rangsangan dan langkah diplomatik perlu dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita kalis krisis ini dan membolehkan rakyat hidup dalam kestabilan ekonomi yang optimum. Selain itu, krisis ekonomi secara global juga dijangka akan membawa kepada kemerosotan KDNK sebanyak 0.5 peratus pada 2023.

Pertumbuhan ekonomi mesti dipertingkatkan supaya negara kita boleh mencapai penukuhan nilai mata wang dan menarik lebih banyak pelaburan yang strategik di mana akan menyumbang kepada peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti, pengukuhan pasaran modal dan mengurangkan kemiskinan rakyat. "

[Menteri Ekonomi]

22. PR-1521-U(27)228

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat jemaah menteri bagi membuat kajian dan perancangan dalam membasmi kemiskinan golongan nelayan. Mengikut rekod lalu yang dibuat, bancian daripada SENDI-LKIM (2008-2017) mendapati bahawa para nelayan hanya memperoleh pendapatan melebihi RM1,200 sahaja. Meskipun Kerajaan sudah menyediakan peruntukan kepada nelayan melalui Elaun Sara Hidup Bantuan Nelayan dan Skim Subsidi Petrol, namun dengan peningkatan kos sara hidup dan keterbatasan akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan telah menyukarkan dan membebankan para nelayan yang berada di kawasan luar bandar. Tahun 2022, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada LKIM sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara untuk menghadapi musim tengkujuh. Permasalahan ini berlaku disebabkan penglibatan orang tengah yang menganiaya dan mengambil kesempatan atas usaha para nelayan dengan memberi alasan hasil yang berkurangan disebabkan oleh cuaca buruk dan secara tidak langsung memberikan kesan negatif kepada rantai sekuriti makanan negara. Penerangan yang jelas kepada sistem penyaluran bantuan Kerajaan juga harus ditambah baik terutamanya kepada golongan-golongan yang tidak mahir menggunakan kemudahan internet dan agensi berkaitan

haruslah mencari nelayan yang masih belum berdaftar agar bantuan Kerajaan juga boleh dinikmati oleh mereka. Pokoknya, Kerajaan harus meneliti dan menggali dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh para nelayan. Kita harus memperkasakan saluran bantuan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan dan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

23. PR-1521-U(27)229

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah pelan tindakan khas untuk menghadapi dan mengatasi krisis utiliti terutamanya tenaga elektrik dan bekalan air bersih serta apakah jangkaan kesan kepada rakyat apabila inisiatif Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi utiliti.

Krisis tenaga elektrik berpunca dari harga bahan api sangat tinggi yang menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik dan pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT. Berdasarkan kepada kos penjanaan yang sangat tinggi ini, semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surcay sebanyak 27 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 yang akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekiranya dilepaskan kepada pengguna sepenuhnya. Sekiranya keseluruhan kos ICPT ditampung melalui subsidi, Kerajaan pula perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar dan membebankan.

Krisis sumber air bersih diakibatkan oleh penebangan hutan secara berleluasa dan pembalakan yang tidak terkawal boleh memusnahkan "hutan awan" (*cloud forest*) yang akan mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga selain menyebabkan hakisan tanah dan menjejaskan kualiti sumber air. Pembuangan sampah dan sisa toksik industri juga menyumbang kepada pencemaran air sungai yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual timbul dan menyukarkan rakyat dalam kehidupan seharian dan secara langsung menelan kos yang tinggi bagi meningkatkan tahap capaian bekalan air bersih, tambahan pula kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian peralatan secara berkala di loji rawatan air atau sistem agihan oleh operator bekalan air semestinya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Oleh hal demikian jaminan tenaga dan air perlu dirangka dengan langkah yang selamat oleh Kerajaan dalam mencapai penggunaan utiliti yang mampan serta efisien dengan penggunaan kos yang rendah serta pengenaan caj tidak membebankan rakyat. Pengalaman krisis tenaga yang dilalui oleh masyarakat di Eropah perlu diambil sebagai panduan dan perkara yang perlu dirujuk dalam membuat sebarang pertimbangan pada masa kini dan hadapan."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

24. PR-1521-U(27)230

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah Institut Rukun Negara bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model literasi perpaduan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan, penekanan dan pemantauan ini tidak dilakukan segera daripada peringkat awal pembelajaran dan ia tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda. Kesannya terhadap potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Perpaduan Negara]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2022</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
------------------------------	-------------------------------	---------------------------------------

ST. 185	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara Bagi Tahun 2020	28 Februari 2023
---------	--	------------------

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
------------------------------	-------------------------------	---------------------------------------

ST.15	AKTA EKSTRADISI 1992 Perintah Ekstradisi (Romania) 2022 P.U. (A) 265/2022 yang diwartakan pada 19 Ogos 2022	28 Februari 2023
-------	---	------------------

ST. 22	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN Perintah Negeri-Negeri Borneo (Kuasa-Kuasa Perundangan) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 2/2023 yang diwartakan pada 4 Januari 2023	28 Februari 2023
--------	---	------------------

ST. 23	AKTA PINJAMAN (TEMPATAN)1959 AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983 Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2022 P.U. (A) 399/2022 yang diwartakan pada 28 Disember 2022	28 Februari 2023
--------	---	------------------

ST. 45	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	28 Februari 2023
--------	--	------------------

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 28.02.2023 (Selasa)	1. YB Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)	1. Sekuriti Makanan Negara-Sektor Agromakanan	1. YB Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan
2. 28.02.2023 (Selasa)	2. YB Tuan Chow Yu Hui (Raub)	2. Pelan Pembangunan Sektor Pelancongan Bukit Fraser Yang Komprehensif Dengan Kerjasama Rentas Kementerian	2. YB Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**